

TANAH RIZAB MELAYU (ENAKMEN RIZAB MELAYU & PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN)

Oleh :

NOOR ASMIDA BINTI ABU BAKAR

Unit Geomatik, Jabatan Kejuruteraan Awam,
Politeknik Merlimau Melaka



Undang-undang Tanah Rizab Melayu mula diperkenalkan pada 1 Januari 1914 apabila Enakmen Rizab Melayu 1913 (ERM 1913) dikuatkuasakan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang). Enakmen Rizab Melayu 1913 telah dimansuhkan mulai daripada 15 Disember 1933 dan digantikan dengan Enakmen Rizab Melayu 1933. Pada tahun 1935, Enakmen Rizab Melayu 1933 telah disemak dan diterbitkan semula sebagai Enakmen Rizab Melayu (NMB Bab 142) dan digunakan hingga ke hari ini. Negeri-negeri lain kemudiannya turut mewujudkan Enakmen Rizab Melayu masing-masing iaitu Enakmen Rizab Melayu Kelantan 1930, Enakmen Rizab Melayu Kedah 1931, Enakmen Rizab Melayu Perlis 1935, Enakmen Rizab Melayu Johor 1936 dan Enakmen Rizab Melayu Terengganu 1941. British tidak mengadakan apa-apa Enakmen Rizab Melayu di Pulau Pinang dan Melaka. Pada asalnya Enakmen Rizab Melayu diperkenalkan untuk :

- Menyekat tanah kerajaan di dalam kawasan Rizab Melayu daripada dilupuskan dengan apa jua cara kepada Bukan Melayu.
- Menyekat tanah pegangan Melayu daripada dibuat apa-apa urusan perniagaan persendirian diantara Melayu dan Bukan Melayu.

Pelbagai tafsiran diberikan kepada 'Melayu' oleh ERM setiap negeri. Daripada tafsiran kesemua ERM terdapat 3 ciri persamaan definisi melayu iaitu dari segi keturunan, bahasa dan agama. Oleh itu boleh disimpulkan bahawa "Melayu" bermaksud seseorang dari mana-mana bangsa melayu (kecuali Kedah dan Perlis yang turut menqiktiraf keturunan Arab), yang biasanya bertutur dalam Bahasa Melayu dan beragama Islam. Syarikat Melayu

pula ditafsirkan oleh ERM sebagai sesebuah syarikat kepunyaan melayu, tiap-tiap ahlinya terdiri daripada orang-orang melayu sahaja & syer-syernya dihadkan kepada orang-orang melayu sahaja.

Bagi memastikan 2 objektif pewujudan undang-undang tanah Rizab Melayu tercapai, ERM (NMB Bab 142) dan lain-lain ERM, memperuntukkan beberapa sekatan kepentingan ke atas TRM iaitu :

- Mana-mana Tanah Kerajaan atau Tanah Persekutuan yang termasuk ke dalam satu Rizab Melayu tidak boleh diberimilik, dikeluarkan TOL atau Permit kepada orang bukan Melayu.
- Tanah Pegangan Melayu tidak boleh dipindahmilik kepada bukan Melayu kecuali pindahmilik bersilang dengan syarat borang-borang pindahmiliknya diserahkan serentak kepada pihak berkuasa pendaftaran.
- Tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai kepada orang yang bukan Melayu.
- TRM tidak boleh dijadikan lien untuk pinjaman.
- TRM tidak boleh diikat oleh mana-mana Mahkamah jika tuan punya bankrap.
- TRM tidak boleh didaftarkan jika urusan dilakukan oleh seseorang wakilkuasa yang bukan melayu.

Namun hasil kajian yang dibuat oleh *Dr. Mohd Hasrol Haffiz Aliasak*, pensyarah dari *Universiti Teknologi Mara (UiTM)* mendapati kawasan Tanah Rizab Melayu di Semenanjung Malaysia tidak termasuk Melaka dan Pulau Pinang semakin berkurangan iaitu daripada keluasan 3.1 juta hektar (23.92 %) pada tahun 1931 kepada 1.57 juta hektar (11.99 %) pada tahun 2009. Keadaan ini bertentangan dengan wasiat raja-raja Melayu semasa pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957 yang menetapkan nisbah 50 % tanah di negara ini diperuntukkan kepada Tanah Rizab Melayu. Amanat raja-raja Melayu itu dimaktubkan dalam Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri mengisytiharkan Tanah Rizab Melayu (TRM) dan melarang sebarang bentuk penjualan ataupun pajakan tanah itu kepada bukan Melayu. Dalam Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan juga menjelaskan TRM hanya boleh terbatal sekiranya :

- dibatalkan oleh satu undang-undang negeri yang diluluskan oleh tidak kurang daripada 2/3 ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) yang hadir & mengundi; dan
- dibatalkan oleh satu resolusi Parlimen yang diluluskan oleh tidak kurang daripada 2/3 ahli Majlis Parlimen yang hadir & mengundi.

Walaupun TRM boleh dibatalkan tetapi ianya terikat dengan sekatan kepentingan yang termaktub dalam Enakmen Rizab Melayu dan Perkara 89 (3) Perlembagaan Persekutuan telah menyebut tanah rizab Melayu yang mahu dibatalkan dan dipindah hak

milik perlulah digantikan dengan kawasan yang sama sifat dan luasnya dengan kawasan yang dibatalkan. Malah dalam Seksyen 19, ERM (NMB Bab 142) juga menyatakan bahawa kesemua urusan niaga atau pelupusan atau percubaan untuk membuat urusan niaga atau pelupusan yang bertentangan dengan sekatan kepentingan yang diperuntukkan oleh ERM (NMB Bab 142) adalah terbatal dan tidak sah, dan apa-apa sahaja perbelanjaan yang telah dikeluarkan tidak boleh dituntut di mana-mana mahkamah.

Kajian *Dr. Mohd Hasrol Haffiz Aliasak* juga merumuskan bahawa keluasan Tanah Rizab Melayu menunjukkan trend penyusutan ekoran terdapat banyak Tanah Rizab Melayu (TRM) yang telah dibatalkan statusnya untuk tujuan pembangunan dan penggantian tidak dilakukan secara serta-merta. Pembatalan Tanah Rizab Melayu dilakukan samada membatalkan Tanah Rizab Melayu milik kerajaan sendiri ataupun pengambilan balik tanah-tanah milik individu yang berstatuskan Rizab Melayu. Banyak daripada Tanah Rizab Melayu itu tidak digantikan semula seperti dikehendaki oleh ERM dan Perlembagaan Persekutuan.

Malah ada juga permohonan pembatalan dibuat sendiri oleh pemilik Tanah Rizab Melayu yang ingin menjual tanah tersebut kepada bukan Melayu. Walau bagaimanapun setiap pembatalan TRM tetap perlu melalui proses permohonan dan kelulusan dari PTD, PTG & MMK serta tetap perlu mematuhi Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan. Kuasa pengisytiharan Tanah Rizab Melayu terletak pada Menteri Besar dengan kelulusan Raja Dalam Mesyuarat (RDM) dan perlu dibuat melalui warta kerajaan bertujuan mewujudkan, membatalkan, meminda had atau sempadan Tanah Rizab Melayu dan memasukkan tanah ke dalam kawasan tanah rizab sedia ada.

Berdasarkan undang-undang yang ada, Tanah Rizab Melayu tidak seharusnya berkurangan kerana mereka yang terbabit dalam menghakiskannya boleh dikenakan tindakan. Malah jika Pentadbir Tanah atau Pendaftar telah mendaftar apa-apa urusan niaga ke atas mana-mana tanah Pegangan Melayu dengan cara yang bertentangan dengan peruntukan ERM, maka tindakan boleh diambil merujuk kepada Bahagian 31 dan Bahagian 20, KTN. Apatah lagi, berdasarkan undang-undang sedia ada juga, tanah-tanah rizab Melayu yang telah hilang itu mestilah digantikan semula dengan kawasan yang sama sifat dan keluasan. Oleh itu, semua pihak perlu kembali semula kepada undang-undang tanah simpanan Melayu. Generasi muda sekarang juga perlu mengambil tahu tentang kepentingan TRM, perkara yang terkandung dalam ERM dan Perlembagaan Persekutuan berkaitan TRM agar Tanah Rizab Melayu tidak terus mengalami trend penyusutan dan jika isu ini tidak dibendung ianya akan menggugat kepentingan generasi Melayu pada masa akan datang.

